

Khazanah Sungai Kinabatangan Hilir

Pelbagai spesies hidupan liar terancam dapat dilihat



PEMANDANGAN indah menanti di Sungai Kinabatangan.



Tepat jam 5 petang, kami menaiki bot dari jeti Resort Myne, di Kampung Bilit, Sabah untuk menyusuri Sungai Kinabatangan Hilir.

Sebaik sahaja jurupandu kami membelokkan arah bot menghala sungai, tidak semena-mena seekor buaya bersaiz kira-kira dua meter timbul dari sungai dan hanya 15 meter dari bot kami.

Kami menunggu beberapa saat sehingga buaya itu beredar sebelum meneruskan ke Sungai Tenigang.

"Buaya memang takutkan bunyi bising enjin bot dan jika diberi pilihan, mereka tidak mahu pun bertembung dengan manusia," kata jurupandu bot.

Kami amat bertuah menyusuri sungai dengan Tom, 18, seorang daripada pekerja Myne Resort Kinabatangan yang bukan saja mahir selok-belok sungai, malah mempunyai mata yang tajam.

Misalnya, beliau dengan mudah ternampak seekor biawak besar diam di atas sebatang dahan pokok dan segera memperlahankan bot untuk memerhatikan reptilia itu lebih dekat.

Sepanjang perjalanan itu, kami menemui 18 kumpulan monyet liar iaitu 11 daripadanya jenis Monyet Belanda atau Probosis, monyet jenis Macaque ekor panjang dan Macaque ekor melengkung.

"Jika bernasib baik, pelancong dapat melihat

Orang Utan liar," kata Tom.

Petang itu kami juga dapat melihat pelbagai jenis burung dalam kawanan seperti layang-layang, burung raja udang, murai dan helang merah.

Paling mudah dilihat di sepanjang sungai sudah tentulah beberapa ekor bangau besar berparuh kuning dan bangau kecil berparuh hitam di tebing sungai.

Esok pagi, kami menaiki bot bersama Tom untuk menyaksikan pelbagai hidupan liar termasuk primat Probosis dan Macaque, serta burung seperti enggang, bangau dan raja udang.

Nyata kepelbagaian biodiversiti tebing sungai itu sangat menakjubkan termasuk pemandangan berwarna-warni oleh puluhan rama-rama pelbagai spesies.

Tom membawa kami ke Sungai Menanggol. Sedang asyik memerhatikan telatah sepasang monyet Macaque bergayut, dia menyuruh kami diam.

Dia meneliti tebing sebelah kiri dan memperlahankan bot ke arah itu sambil membuat isyarat senyap.

Rupa-rupanya, lokasi itu baru saja dilawati spesies mamalia terancam Kinabatangan yang popular iaitu Gajah Pigmy.

Sayang sekali, kami hanya terlewat beberapa saat untuk menyaksikan haiwan ini meneguk air

sungai di lokasi itu.

Pada mulanya, kami sangka hanya perlu berpuas hati dengan melihat bekas tapak gajah yang bersaiz pinggan makan, tetapi apabila kami memasang telinga, kami dapat mendengar dengan jelas bunyi desiran pokok yang ditempuh gajah itu.

Kekecewaan tidak dapat melihat gajah unik itu bagaimanapun terubat apabila kami ternampak seekor burung Kinabatangan spesies terancam iaitu Oriental Darter.

Burung itu seakan-akan bangau, tetapi berwarna hitam dengan kaki seperti itik.

Ia mempunyai bahagian kepala serta leher yang berwarna kelabu dan apabila ia mengepak sayap,



MONYET Probosis boleh dilihat saat menyusuri sungai Kinabatangan Hilir.



AKSI bersahaja Orang Utan liar yang boleh dilihat jika bernasib baik

Metro 26/6/14 MS9.

kelihatan jalur-jalur putih memanjang pada pelepah hitamnya.

Biasanya, ketika aktiviti pengamatan alam tidak kira di hutan, laut atau sungai, jurupandu alam akan mengingatkan peserta peluang melihat hidupan liar adalah

sangat tipis bergantung kepada nasib.

Bagaimanapun, ia amat berbeza dengan pengalaman menyusuri sungai yang sangat panjang berliku merentasi hutan Kinabatangan Hilir terutama di kawasan

Sukau.

Walaupun kawasan Sukau kaya dengan pelbagai spesies hidupan liar termasuk yang terancam yang logikinya lebih sukar ditemui, pengujung pasti bernasib baik. - BERNAMA



SUNGAI Kinabatangan Hilir punya tarikan tersendiri.